

SIARAN MEDIA

PERKHIDMATAN LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN YANG MENYOKONG SYARIKAT PEMBUATAN PRODUK PENTING DIBENARKAN BEROPERASI

Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan Pengecualian Industri Bil. 2/2020 hari ini telah memperakukan keputusan bahawa kebenaran beroperasi di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diberikan kepada syarikat-syarikat di dalam sektor pembuatan yang penting dan kritikal oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), turut terpakai kepada perkhidmatan logistik dan pengangkutan di bawah syarikat-syarikat berkenaan.

Ini adalah bagi memastikan bekalan produk-produk penting dan kritikal yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang terlibat sampai ke pelanggan dan destinasi dalam masa dan keadaan yang sempurna. Justeru, perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang berkenaan tidak perlu memohon kebenaran berasingan daripada mana-mana agensi Kerajaan bagi meneruskan operasi mereka di dalam tempoh PKP ini.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan logistik dan perkhidmatan ini hanyalah dibenarkan membawa atau mengangkut barang-barang dan hasil produk yang dihasilkan syarikat yang telah diberi kebenaran oleh MITI, dan perlunya beroperasi pada kadar tenaga kerja yang minima.

Adalah diharapkan syarikat-syarikat perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang beroperasi akan mematuhi syarat-syarat ini, bagi mengelak dari sebarang tindakan diambil ke atas mereka dan syarikat yang dibenarkan beroperasi. Ini akan dapat memastikan mereka memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan masyarakat tanpa sebarang halangan.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Bagi kilang pembuatan yang telah dibenarkan untuk beroperasi tetapi menggunakan perkhidmatan syarikat logistik dan pengangkutan swasta/individu, syarikat/individu tersebut perlu memohon kebenaran kepada Jawatankuasa Permohonan Pengecualian Industri untuk diperakukan jua.

-TAMAT-

**YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali
Menteri Kanan dan Menteri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)
21 Mac 2020**